

# UMS akan terus pergiat interaksi erat melalui sukan

UB 13.10.2019 19

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) akan terus mempergiat interaksi erat melalui sukan bersama agensi perubatan kerajaan dan swasta.

Usaha antara lain bagi meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang perubatan di peringkat universiti.


Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, Profesor Dr. Mohammad Saffree Jeffree berkata, perlawanan bola sepak persahabatan bersama kakitangan Klinikal Hospital Queen Elizabeth (HQE) sudah pasti merapatkan lagi hubungan antara kedua-dua organisasi dan lebih manis ianya dilangsungkan bersempena Ulang tahun UMS ke- 25 tahun.

Mohammad Saffree berkata, profesion dan ketjaya perubatan bukanlah sekadar memberikan perkhidmatan perawatan dan perubatan sebaliknya terselit nilai yang mengukuhkan jati diri bangsa seterusnya memberi sumbangan yang besar dalam mempertingkatkan mutu kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Pada perlawanan yang berlangsung di Stadium UMS berkenaan, pasukan Fakulti



**CENDERA KENANGAN:** Profesor Dr. Mohammad (kiri) serta Jackson Taguah semasa bertukar-tukar cendera kenangan sebelum sepak mula persahabatan dimulakan.



**AKSI:** Antara aksi kedua-dua pasukan.

Perubatan dan Sains Kesihatan UMS berjaya mendahului dengan jaringan 1-0, manakala pasukan HQE berjaya

merapatkan jaringan pada separuh masa kedua dengan keputusan penuh perlawanan UMS 1-HQE 4.



**INTERAKSI ERAT:** Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (UMS) bersama pasukan Klinikal Hospital Queen Elizabeth (HQE) merakam gambar kenangan sebelum perlawanan dilangsungkan.